

KOLEKSI PERCUBAAN
SPM
TASAWWUR ISLAM
2022
BAHAGIAN B
SOALAN 5

JOHOR 1

- 5 a i. Nyatakan maksud manusia sebagai hamba Allah S.W.T [2 markah]
- ii. Senaraikan **dua** tujuan penciptaan manusia [2 markah]
- b

Wahyu terbesar Rasulullah SAW adalah Al-Quran. Mankala membaca dan mendengar Al-Quran dikira sebagai ibadah dan mendapat pahala.

 [6 markah]
- Jelaskan bagaimana anda menjadikan Al-Quran sebagai suatu tabiat dalam kehidupan.
- c i. Mengapakan hakim mesti berkebolehan dalam berijtihad. [2 markah]
- ii. Terangkan **dua** hikmah hukuman yang diterima seorang pesalah yang telah disabitkan hukuman. [4 markah]
- iii. Senaraikan klasifikasi hukuman jenayah dalam Islam. [4 markah]

JOHOR 2

- 5 (a) Senaraikan **dua** ciri akhlak menurut Islam. [2 markah]
- (b) Terangkan **dua** kesan melaksanakan tanggungjawab seorang hamba dan khalifah Allah dalam aspek pendidikan. [4 markah]



- (c) Huraikan tindakan yang boleh anda lakukan bagi mengelakkan perkara di atas berulang kembali. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan **dua** prinsip kehakiman Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** jenis kesalahan hudud beserta hukumannya. [4 markah]
- (e) (i) Apakah maksud hukum qisas. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** jenis hukuman takzir. [2 markah]

KELANTAN



Gambar 4 : Wahyu pertama yang diturunkan

- 5 (a) (i) Berdasarkan gambar4 di atas, apakah yang dimaksudkan dengan wahyu ?. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua cara wahyu membimbing akal manusia dalam mengenal Allah SWT. [4 markah]



Gambar 5

- (iii) Gambar 5 di atas adalah mengenai bilangan kejadian bencana yang telah berlaku di Malaysia dari tahun 2014 hingga 2018. Berdasarkan statistik diatas, jelaskan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT dalam menjaga kelestarian alam. [6 markah]

Firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah 45:18 yang bermaksud: "Kemudian Kami jadikan kamu menjalankan perundangan daripada hukum agama, maka turutlah ia, dan janganlah dituruti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui."

- (b) (i) Berikan pengertian kehakiman Islam. [2 markah]
- (ii) Senaraikan dua syarat perlantikan hakim dalam Islam. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua cara menjauhkan diri dari perbuatan jenayah. [4 markah]

PAHANG

- 5 (a) (i) Jelaskan **dua** keistimewaan insan. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** peringkat alam yang dilalui oleh manusia mengikut urutan. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah]



- (b) (i) Berikan contoh jenayah yang sering dilakukan oleh remaja. [1 markah]
- (ii) Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan cara untuk anda menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. [5 markah]
- (c) Nyatakan **dua** bentuk hukuman bagi kesalahan takzir. [2 markah]

PULAU PINANG 1

5. (a) Gelaran hamba mengingatkan manusia kepada Allah SWT. [2 markah]
- i. Apakah maksud hamba Allah SWT?
- ii. Jelaskan **dua** tujuan penciptaan manusia. [2 markah]



Banjir kilat di Jalan Sultan Azlan Shah menuju Jalan Ipoh susulan hujan lebat.
(Sumber BH Online 25 April 2022)

- (b) Berdasarkan gambar di atas, apakah punca berlakunya peristiwa tersebut? [1 markah]
- Berikan hujah anda. [5 markah]
- (c) Huraikan **dua** kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam. [4 markah]
- (d) i. Nyatakan maksud diat. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** syarat kesaksian dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan. [4 markah]

PULAU PINANG 2

5. (a) i. Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** ciri wahyu. [2 markah]
- (b) i. Kaji pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya.

Gejala seks songsang atau LGBT semakin berleluasa di negara kita. Golongan tersebut semakin berani memperjuangkan hak kebebasan mereka.

Firman Allah SWT:
 Ertinya: *"Dan kalaulah kebenaran itu tunduk mengikut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi, serta segala yang ada."*
 (Surah al-Mukminun 23:17)

Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah gejala seks songsang ditegah dalam Islam sedangkan perkara tersebut merupakan hak kebebasan individu?

[2 markah]

- ii. Cadangkan langkah berkesan bagi menangani gejala seks songsang yang semakin berleluasa di negara kita.

[4 markah]

- (c) i. Apabila wilayah Islam semakin luas, Rasulullah SAW melantik dan menghantar beberapa orang sahabat menjadi gabenor merangkap sebagai hakim bagi menyelesaikan masalah berkaitan kehakiman.

Berdasarkan pernyataan di atas, siapakah sahabat tersebut yang dilantik sebagai gabenor merangkap hakim?

[2 markah]

- ii. Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam.

[4 markah]

- (d) i. Jelaskan maksud takzir.

[2 markah]

- ii. Senaraikan **dua** contoh hukuman yang boleh dikenakan di bawah kesalahan takzir

[2 markah]

PERAK

- 5 (a) (i) Jelaskan dua kedudukan akal. [4 markah]

(b)



Sumber : Kosmo, 29 Oktober 2022

- (i) Senaraikan **dua** punca berlakunya perbuatan ini .

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah akal seseorang itu menjadi rosak dengan melihat bahan terlarang ini.

[4 markah]

- (c) Jelaskan dua matlamat sistem kehakiman Islam

[4 markah]

- (d) Senaraikan dua syarat perlantikan hakim

[2 markah]

- (e) Huraikan dua cara anda menjauhkan diri daripada jenayah

[4 markah]

SABAH

5. (a) Setiap manusia mempunyai tanggungjawab kepada Allah SWT, manusia dan alam.
- Terangkan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT. (4 markah)
 - Jelaskan **dua** punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. (4 markah)
- (b) i. Nyatakan maksud kehakiman Islam. (2 markah)
- Huraikan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. (4 markah)

(c)



- Gambar di atas adalah salah satu contoh daripada kesalahan takzir. Nyatakan **satu** contoh kesalahan takzir selain daripada gambar di atas. (1 markah)
- Bincangkan apakah hukuman yang sesuai dengan kesalahan takzir di atas. (5 markah)

SARAWAK

1. (a) (i) Senaraikan dua cara penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW. [2 markah]
 (ii) Jelaskan dua keistimewaan al-Quran. [2 markah]
- (b) (i) Senaraikan empat jenis hukuman jenayah dalam Islam. [4 markah]
 (ii) Terangkan dua hikmah hukuman sebat terhadap pesalah yang minum arak. [4 markah]
 (iii) Jelaskan hukuman bagi kesalahan berikut:
 (a) Qazaf
 (b) Mencuri [2 markah]

“Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu di atas sesetengah yang lain beberapa darjat...”
 (Surah al-An’am : 165)

- (c) Ayat di atas menerangkan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Kemukakan pandangan anda mengenai sikap tidak bertanggungjawab manusia yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar. [6 markah]

TERENGGANU

5. (a) (i) Apakah maksud insan? (2 markah)
 (ii) Jelaskan **dua** keistimewaan insan berbanding makhluk-makhluk yang lain. (4 markah)
 (iii) Huraikan **dua** cara memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah. (4 markah)
- (b) (i) Nyatakan **dua** ciri wahyu. (2 markah)
 (ii) Jelaskan **dua** peranan akal dalam kehidupan manusia. (4 markah)

Saufee suka menyorokkan buku teks Amir bahkan dia berasa gembira melihat raut wajah Amir yang sedih dan risau kerana bimbang kehilangan buku teks yang dipinjamnya dari sekolah.

- (c) Sekiranya anda sahabat baik Saufee, cadangkan tindakan yang anda boleh lakukan bagi menyedarkan Saufee daripada sikap buruk di atas. (4 markah)

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

5.	(a)	i.	Maksud manusia sebagai hamba Allah S.W.T ialah : manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah dengan mematuhi suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii.	Dua tujuan penciptaan manusia : • Abdi : mengabdikan diri kepada Allah • Makmur bumi : memakmurkan bumi Allah mengikut syariat	2 isi x markah = 2 markah
		iii.	Jelaskan bagaimana anda menjadikan Al-Quran sebagai suatu tabiat dalam kehidupan. Contoh jawapan : Saya akan membuat jadual peribadi (I) dengan menjadikan membaca Al-Quran selepas solat maghrib sebagai rutin harian. Hal ini akan bertujuan menarik minat saya mendalami dan mentafsirkan Al-Quran dengan mendalam.(HL). Oleh itu, sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan Al-Quran sebagai pedoman hidup agar diredhai Allah.(K)	1 isi 1 H 1HL 1K = 4 markah
		c i	hakim mesti berkebolehan dalam berijtihad. • Supaya hakim dapat membuat keputusan yang bijak/ demi menyelesaikan masalah secara menyeluruh	1 isi x 2m = 2 markah
		ii	dua hikmah hukuman yang diterima seorang pesalah yang telah disabitkan hukuman ; - Memberi pengajaran kepada pesalah agar tidak mengulagi jenayah tersebut - Memberi kesedaran kepada pesalah untuk berusaha membetulkan sikap ke arah yang lebih baik # Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi 2 h = 4 markah
		iii	klasifikasi hukuman jenayah dalam Islam : • Hudud • Qisas • Takzir • Diat	4 isi x 1m = 4 markah

JOHOR 2

5 (a) Dua ciri akhlak menurut Islam ialah :-

- Bersumberkan Quran dan Sunnah
- Tetap sepanjang zaman
- Meliputi semua aspek kehidupan

(Pilih dua ciri sahaja)

[2M]

(b) Dua kesan melaksanakan tanggungjawab seorang hamba dan khalifah Allah SWT dalam aspek Pendidikan ialah :-

- Melahirkan masyarakat yang bertakwa
- Mendapat pendidikan seimbang dari segi rohani dan fizikal
- Melahirkan tenaga pakar untuk mentadbir alam

(Pilih dua kesan sahaja)

[4M]

(c) Tindakan yang boleh diambil bagi mengelakkan perbuatan menghisap rokok dikalangan pelajar ialah dengan membuat kempen kesedaran tentang bahaya merokok kepada pelajar agar mereka dapat berfikir dengan rasional. Oleh itu, tindakan ini perlu dilaksanakan agar terhindar dari azab Allah SWT [4M]

(d) (i) Dua prinsip kehakiman Islam ialah :-

- Merujuk kepada wahyu Al-Quran dan Hadis
- Mengamalkan adab dan akhlak Islam
- Menentang kezaliman dan menegakkan keadilan

(Pilih dua prinsip sahaja)

[2M]

(ii) Dua jenis kesalahan hudud beserta hukumannya :-

- Zina : Belum berkahwin disebat 100 kali
- Qazaf : disebat 80 kali
- Minum arak : Disebat 40 kali
- Mencuri : Dipotong pergelangan tangan

(Pilih dua jenis hukuman sahaja)

[4M]

(e) (i) Hukum qisas ialah kesalahan mengikut syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi [2M]

(ii) Dua Jenis hukuman takzir ialah :-

- Nasihat
- Ancaman
- Denda
- Penjara
- Buang daerah

(Pilih dua jenis hukuman sahaja)

[2M]

KELANTAN

5	(a)	(i)	Pengertian wahyu ialah Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau secara terus daripada Allah SWT.	1 Isi X 2m] = [2 Markah]
		(ii)	Dua cara wahyu membimbing manusia dalam mengenal Allah SWT 1. Membimbing akal dalam memelihara akidah daripada terpesong 2. Menjelaskan akidah yang sebenar 3. Menerangkan keadaan dan sifat-sifat Allah yang selari dengan tuntutan syarak	[2 Isi x 2 Huraian = [4 markah
		(iii)	Tanggungjawab manusia dalam menjaga kelestarian alam enjalankan amanah yang diberikan dengan baik /agar dapat mengurangkan kejadian yang tidak diingini berlaku/seperti mengurus alam secara terancang / kesannya kelastarian alam akan terjaga /kesimpulannya kita mesti mentadbir alam mengikut garis panduan yang diajarkan syarak/ agar kerosakan terhadap alam terkawal Mana mana jawapan yang munasabah diterima	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = [6 markah]
	(b)	(i)	Pengertian kehakiman Islam ialah Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang / berdasarkan hukum syarak - suatu keputusan daripada pemerintah atau badan kehakiman dalam suatu perbicaraan di mahkamah - menyampaikan hukum syarak secara penepatan	1 Isi X 1 huraian = [2 Markah]
		(ii)	Dua syarat pelantikan hakim dalam Islam 1. Seorang yang berilmu dan bertakwa kepada Allah SWT 2. Seorang yang berfikiran waras dan sentiasa tenang. 3. Seorang yang berwibawa dan dihormati oleh orang ramai. 4. Seorang yang bijaksana dan berpandangan jauh. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	[2 Isi X 1 m] [2 Markah]
		(iii)	Dua cara menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. 1. Mematuhi peraturan agama seperti menunaikan solat dan menutup aurat. 2. Menuntut ilmu ythat bermanfaat seperti ilmu fardu ain dan fardu kifayah. 3. Mengisi masa dengan perkaya yang berfaedah seperti membaca dan beriadah. 4. Memilih rakan yang baik seperti rakan yang sentiasa berakhlak mulia.	[2 Isi x 2 Huraian = [4 markah

PAHANG

5.	(a)	(i)	● Dikurniakan akal fikiran ● Diberikan kitab sebagai panduan ● Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing ● Diberikan tanggungjawab sebagai khalifah ● Mempunyai fizikal yang sempurna ● Berbudaya dan bertamadun	2 isi x 2 m = 4 m 2 - 0										
		(ii)	● Alam roh ● Alam rahim ● Alam dunia ● Alam barzakh / alam kubur ● Alam akhirat Catatan : Jawapan perlu mengikut urutan	4 isi x 1 m = 4 m										
		(iii)	● Mengukuhkan keimanan / menyemai ketaqwaan (1m) dalam diri setiap individu (1m). ● Mendapat keredaan / petunjuk Allah SWT (1m) dalam setiap tindakan (1m). ● Membentuk kehidupan aman / harmoni (1m) dalam masyarakat (1m). ● Dapat memakmurkan bumi / alam (1m) mengikut syariat Islam (1m). ● Menolak kebatilan (1m) supaya kehormatan terpelihara (1m). ● Menerima kebenaran (1m) agar diredai Allah SWT (1m).	2 isi x 2 m = 4 m										
	(b)	(i)	● Membuli ● Mencuri ● Merempit ● Memeras ugut ● Menghisap dadah	1 isi x 1 m = 1 m										
		(ii)	Rubrik Pengskoran :- <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td> ● Menyatakan satu pandangan sahaja (F) </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menjelaskan pandangan (H1) ● Huraian ringkas </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menghuraikan pandangan (H2) ● Huraian yang lengkap </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3) </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menghuraikan pandangan (H4) ● Kesimpulan ringkas. </td><td>1m</td></tr></table> Contoh jawapan : Mematuhi peraturan agama (F) supaya dapat mewujudkan perasaan takut (H1) akan pembalasan Allah SWT (H2) seperti menjauhi perbuatan mencuri (H3). Kesimpulannya, kita perlu memelihara diri dari melakukan jenayah agar maruah diri terpelihara (H4).	Kriteria	Skor	● Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m	● Menjelaskan pandangan (H1) ● Huraian ringkas	1m	● Menghuraikan pandangan (H2) ● Huraian yang lengkap	1m	● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)	1m	● Menghuraikan pandangan (H4) ● Kesimpulan ringkas.
Kriteria	Skor													
● Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m													
● Menjelaskan pandangan (H1) ● Huraian ringkas	1m													
● Menghuraikan pandangan (H2) ● Huraian yang lengkap	1m													
● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)	1m													
● Menghuraikan pandangan (H4) ● Kesimpulan ringkas.	1m													
	(c)	● Sebat ● Penjara ● Buang daerah ● Nasihat / teguran ● Pengisytiharan umum ● Ancaman / pemuluan ● Denda / merampas harta (sita)	2 isi x 1 m = 2 m											

PULAU PINANG 1

5	a	i	Maksud hamba Allah: -Ialah manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.	1 isi x 2 markah=2 markah
		ii	Dua tujuan penciptaan manusia • Mengabdikan diri kpd Allah SWT • Memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat Allah SWT • Menjadi khalifah di muka bumi	2 isi x 1m = 2 markah
	b		Punca berlaku banjir kilat ● Longgokan sampah- sarap ● Pencemaran sungai ● Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik ● Kepupusan pokok-pokok	1 markah
			KBAT Hujah anda Ini kerana apabila sampah sarap tidak diuruskan dengan baik /menyebabkan sistem perparitan akan terganggu/. Hal ini demikian longkang akan tersumbat/. Kesannya apabila hujan turun, air tidak dapat mengalir ke takungan dan melimpah/. Kesimpulannya kita hendaklah menguruskan alam mengikut peraturan Allah agar bumi sentiasa terpelihara./	5 markah
	c		Dua kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam • Merosakkan akidah/ kerana melakukan perkara syirik, kufur dan sebagainya. • Mengancam keselamatan nyawa/ seperti berku jenayah pembunuhan. • Merosakkan akal/ melalui perbuatan minum arak dan penagihan dadah.	2 isi x 2 =4 markah 1 Isi = 1 markah 1 Huraian = 1 markah
			• Merosakkan keturunan manusia/ seperti kelahiran anak luar nikah. • Mewujudkan sistem ekonomi yang haram/ seperti amalan riba dan rasuah.	
	d	i	Maksud diat -Harta yg wajib diberikan kpd waris org yg dibunuh sebagai ganti hukuman qisas yg tidak dapat dilaksanakan.	1 isi X 2 = 2 markah
		ii	Dua syarat kesaksian dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan • Saksi seorang yang telah baligh • Saksi sempurna akal • Saksi seorang yang adil dan beramanah • Saksi bebas daripada sebarang keraguan. • Saksi tidak bermusuhan dengan orang yang didakwa. • Bilangan saksi sekurang- kurangnya dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan yang adil bagi sesetengah kes. • Bagi kes perzinaan, saksinya ialah empat orang lelaki	2 isi x 2m =4 markah

PULAU PINANG 2

5.	(a)	i.	Maksud wahyu ialah Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan dan rasul (1m) melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau terus daripada Allah SWT (1m).	2x1m [2 markah] I+H
		ii.	Dua ciri wahyu ialah - Datangnya dari Allah SWT (1m). - Bersifat mutlak (1m). - Hanya nabi dan rasul menerimanya (1m). - Penurunan melalui malaikat Jibril a.s (1m). - Kesuciannya terpelihara hingga kiamat (1m). - Wahyu terhenti penurunan selepas Rasulullah SAW wafat (1m).	2x1m [2 markah]
	(b)	i.	Gejala seks songsang ditegah dalam Islam kerana - Bertentangan dengan tuntutan wahyu al-Quran yang melarang perbuatan keji dan mungkar (2m). - Gejala seks songsang terbukti membawa pelbagai penyakit seperti HIV, AIDS, Ganorea, Sifilis dan Monkey Pox (2m). - Meruntuhkan nilai akhlak dan moral manusia seperti perkahwinan sejenis (2m).	1x2m [2 markah]
		ii.	Contoh jawapan Pihak berkuasa perlu mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah seks songsang seperti dikenakan hukuman takzir (sebat, penjara, buang daerah atau perisytiharan umum)(I). Hal akan menyebabkan mereka insaf serta tidak berani lagi melakukan kesalahan tersebut (HR). Kesannya, masyarakat akan dapat terhindar daripada pelbagai penyakit serta tidak meruntuhkan nilai akhlak dan moral (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita mestilah menjauhi perbuatan mungkar agar hidup tidak dilaknat oleh Allah SWT (K).	4x1m [4 markah] I+HR+ HL+K
	(c)	i.	Sahabat yang dilantik sebagai gabenor merangkap hakim ialah - Sayidina Ali bin Abu Talib (1m). - Sayidina Muaz bin Jabbal (1m).	2x1m [2 markah]
		ii.	Dua matlamat sistem kehakiman Islam ialah - Menegakkan keadilan (1m) tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama (1m). - Menentang kezaliman (1m) yang boleh menggugat keamanan hidup masyarakat (1m). - Membela orang yang dizalimi (1m) demi menegakkan keadilan agar hak mereka dikembalikan (1m).	2x2m [4 markah] I+H
	(d)	i.	Maksud takzir ialah Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya (2m)	1x2m [2 markah]
		ii.	Dua contoh hukuman yang boleh dikenakan di bawah kesalahan takzir ialah - Nasihat/teguran (1m). - Ancaman/pemulauan (1m). - Pengisytiharan umum (1m). - Denda/merampas harta (sita) (1m). - Sebat (1m). - Buang daerah (1m). - Penjara (1m).	2x1m [2 markah]

SABAH

5.	(a).	i.	Dua tanggungjawab manusia kepada Allah SWT ialah: - Menyembah Allah SWT Yang Maha Esa <i>tanpa mensyirikan-Nya.</i> - Mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya <i>agar mendapat keberkatan hidup.</i> - Bersyukur atas nikmat dan sentiasa mengingati-Nya <i>dengan zikirullah.</i> - Berselawat dan mendelani Rasulullah SAW <i>dengan akhlak terpuji.</i>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	Dua punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT ialah: - Syariat Islam tidak dilaksanakan <i>dengan sempurna dalam kehidupan.</i>	2 isi x 2m 4 markah
			- Mengabaikan Pendidikan <i>terutamanya Pendidikan Islam.</i> - Kelemahan urusan pentadbiran dan salah guna kuasa <i>yang menyebabkan pergaduhan dan persengketaan dalam masyarakat.</i> - Hilang sikap hormat menghormati antara masyarakat <i>yang menyebabkan keharmonian tergugat.</i> - Masyarakat bersikap malas dan memilih pekerjaan <i>menyebabkan berlakunya gejala sosial.</i>	
	(b).	i.	Maksud kehakiman Islam ialah: - Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.	1 isi x 2m 2 markah
		ii.	Dua matlamat sistem kehakiman Islam ialah: - Menegakkan keadilan sejagat <i>tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama.</i> - Menentang kezaliman <i>yang boleh menggugat keamanan hidup masyarakat.</i> - Membela orang yang dizalimi <i>demi menegakkan keadilan.</i>	2 isi x 2m 4 markah
	(c).	i.	Satu contoh kesalahan takzir selain daripada gambar di atas ialah: - Rasuah - Berjudi - Kesalahan jalan raya - Penyalahgunaan dadah - Menipu	1 isi x 1m 1 markah
		ii.	Hukuman yang sesuai dengan kesalahan takzir: <u>Cadangan Jawapan:</u> Denda (I) yang bertepatan dengan kesalahan yang dilakukan (H1) agar memberi kesedaran dan keinsafan kepada pesalah (H2) agar tidak melakukan perkara yang berulang (H3). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa memberi kerjasama kepada pihak yang berkuasa untuk membanteras gejala ini daripada berleluasa (H4).	5 isi x 1m 5 markah

SARAWAK

5. (a) (i) Senaraikan dua cara penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW. [2 markah]
 - melalui perantaraan Malaikat Jibril/mimpi yang benar/ suara di sebalik tabir/
 Allah yang mengilhamkan ke dalam hati Rasulullah saw. (ms:79)

- (ii) Jelaskan dua keistimewaan al-Quran. (ms:80) [2 markah]
 - kandungan al-Quran benar dan tidak ada keraguan.
 - kandungan dan hukum al-Quran kekal sehingga hari kiamat.
 - panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek seperti akidah, ibadah, akhlak.
 - membaca dan mendengar al-Quran dikira sebagai ibadah dan mendapat pahala.

- (b) (i) Senaraikan empat jenis hukuman jenayah dalam Islam. [4 markah]
 - Hudud/qisas/takzir/diat. (ms:44)

- (ii) Terangkan dua hikmah hukuman sebat terhadap pesalah yang minum arak. (ms:47) [4 markah]
 - memberi pengajaran kepada orang awam/ agar takut untuk melakukannya.
 - penjenayah takut/ untuk mencuri harta orang lain.
 - penjenayah akan insaf/ menyebabkan beliau tidak akan mengulangi kesalahannya lagi.

- (iii) Jelaskan hukuman bagi kesalahan berikut:

- (a) Qazaf – disebat sebanyak 80 kali
 (b) Mencuri – dipotong pergelangan tangan [2 markah]

“Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu di atas sesetengah yang lain beberapa darjat...”
 (Surah al-An’am : 165)

- (c) Ayat di atas menerangkan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Kemukakan pandangan anda mengenai sikap tidak bertanggungjawab manusia yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar.

[6 markah]

- Sikap tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar menyebabkan persekitaran menjadi tercemar/ yang akan memusnahkan habitat flora dan fauna/. Hal ini berpunca daripada sikap rakus manusia yang membuat penebangan hutan tanpa kawalan/ menyebabkan pencemaran bunyi berlaku/. Akibatnya berlakunya banjir kilat yang menyebabkan banyak kerosakan kepada kehidupan manusia/. Kesimpulannya, masyarakat hendaklah mencintai alam sekitar agar dapat hidup dengan selesa.

TERENGGANU

5.	(a)	(i)	Maksud insan ialah; Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal fikiran / dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.	(2 markah)
		(ii)	Dua keistimewaan insan berbanding makhluk-makhluk yang lain; • Dianugerahkan rasul (1m) sebagai pembimbing(1m) • Dikurniakan akal fikiran(1m) untuk membezakan buruk dan baik(1m) • Diberikan kitab(1m) sebagai panduan(1m) • Dilantik sebagai khalifah(1m) untuk mentadbir bumi(1m)	(4 markah)
		(iii)	Dua cara memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah; • Memupuk dan mengamalkan akhlak yang mulia (1m) supaya dihormati oleh masyarakat(1m) • Membimbing rakan-rakan (1m) supaya sentiasa melakukan perkara yang baik(1m) • Melaksanakan amanah (1m) dengan penuh tanggungjawab.(1m) • Berusaha menjadikan keluarga dibina berdasarkan ketakwaan dan kasih sayang(1m) agar kehidupan tenteram.(1m)	(4 markah)
	(b)	(i)	Dua ciri wahyu; • Kesuciannya terpelihara hingga hari kiamat • Diturunkan kepada para nabi dan rasul sahaja. • Datang daripada Allah • Melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. • Tidak diturunkan selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.	(2 markah)
		(ii)	Dua peranan akal dalam kehidupan manusia; • Membezakan antara perkara yang hak dengan yang batil. • Memahami dan memikirkan kebenaran Islam. • Memahami hakikat kebesaran Allah SWT. • Mempelajari cara mendekatkan diri dan beribadat kepada Allah SWT.	(4 markah)
			• Memikirkan kejadian makhluk dan alam. • Membuktikan kebenaran Islam.	
	(c)	KBAT Tindakan saya bagi menyedarkan Saufee ialah saya perlu menasihatinya dengan penuh keikhlasan(F/1M) agar dapat meresap ke hatinya(H1/1M). Ini kerana sikap buruknya tadi menyusahkan hidup orang lain(H2/1M). Kesannya hidup Saufee pasti akan dimurkai oleh Allah SWT(H3/1M). Oleh itu kita perlukan sentiasa mengamalkan amar makruf nahi mungkar walau pun kepada sahabat baik sendiri sebagai bukti bersahabat kerana Allah SWT.(K/1M)	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 Markah)	

PERAK

5	(a)i	Jelaskan 2 kedudukan akal - Kurniaan Allah yang paling istimewa kepada manusia - Membantu memahami kandungan wahyu - Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu - Menjadi syarat penerimaan taklif syariat bagi manusia yang sempurna akal - Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu perkara seperti perkara ghaib	2 isi x 2M = 4 Markah										
	(b)i	- Penyalahgunaan bahan terlarang seperti syabu dan dadah - Gejala negatif dan maksiat seperti membaca bahan lucah - Memikirkan zat Allah	2 isi x 1M = 2 Markah										
	ii	Rubrik penskoran <table><tr><th>Kriteria</th><th>skor</th></tr><tr><td>Menyatakan fakta</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan</td><td>4M</td></tr></table> Cadangan fakta - Tidak boleh berfikir dengan waras - Daya ingatan semakin lemah - Membayangkan untuk melakukan maksiat - Jiwa resah gelisah / memberontak - Sukar mengingat ilmu - Sukar menerima teguran # fakta yang relevan diterima	Kriteria	skor	Menyatakan fakta	1M	Menyatakan fakta + huraian	2M	Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M	Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M	
Kriteria	skor												
Menyatakan fakta	1M												
Menyatakan fakta + huraian	2M												
Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M												
Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M												
	(c)	- Menegakkan keadilan / tanpa mengira darjat - Menentang kezaliman /yang boleh menggugat keamanan - Membela orang yang dizalimi /demi menegakkan keadilan	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
	(d)	- Islam dan beriman - Baligh dan berakal - Adil - Berilmu dan bijaksana - Sempurna pancaindera	2 isi x 1M = 2 markah										
	(e)	2 cara anda menjauhkan diri daripada jenayah - Mematuhi peraturan agama / seperti menunaikan solat - Menuntut ilmu yang bermanfaat /seperti ilmu farduin - Mengisi masa dengan perkara yang berfaedah/ seperti membaca - Memilih rakan yang baik/ seperti rakan yang berakhlak mulia	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										